

TAK MINTA JAWATAN

PM belum putus kedudukan Anwar dalam Kabinet baharu

Oleh Siti A'isyah
Sukaimi

sitiaisyah@hmetro.com.my

Putrajaya

HM - 24/11/2018
mb: 17

“Saya belum buat sebarang keputusan,” kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya sama ada Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menyertai barisan Kabinet yang baharu.

Dr Mahathir berkata, segala kemungkinan boleh berlaku (sama ada Anwar dimasukkan ke Kabinet baharu atau tidak).

“Segalanya mungkin berlaku,” katanya ringkas pada sidang media Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan di sini, semalam.

Pada masa sama, sidang media berkenaan turut disertai oleh Anwar dan beliau mencelah bahawa beliau tidak memohon jawatan di dalam Kabinet.

“Saya tidak mohon (sebarang jawatan),” katanya.

Dalam pada itu, Dr Mahathir berkata, pembentukan barisan baharu juga tidak dibantah oleh Menteri Kabinet sedia ada.

“Mereka tidak kata jangan rombak saya,” katanya dengan nada berseloroh.

Ditanya mengenai perjumpaan dengan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada pramesyuarat Kabinet semalam, Dr Mahathir berkata, antara yang dibincangkan adalah masalah semasa yang dihadapi oleh kerajaan.

“Saya maklumkan kepada Baginda situasi terkini negara, masalah yang dihadapi dan kerajaan belum bebas melaksanakan apa yang dirancangkan,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan, Dr Mahathir



DR Mahathir selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden PH di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam.

membayangkan akan melakukan rombakan Kabinet sebelum penganjuran Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) tahun depan.

Pengumuman Perdana Menteri itu dilihat sebagai perincian kepada anggota Ka-

binet sedia ada untuk meningkatkan prestasi mereka dan sebagai langkah memulihkan kembali imej kerajaan.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, kerajaan berhak menentukan sama ada proses permohonan kontrak Pertu-

bahan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dibuat secara rundingan terus atau terbuka berdasarkan syarat tertentu.

“Kita boleh tentukanlah syarat untuk rundingan terus dan syarat (untuk) tender terbuka,” katanya.

Tanjung Piai tanda amaran buat PH

Putrajaya: Keputusan buruk Pakatan Harapan (PH) di Pilihan Raya Kecil (PRK) Tanjung Piai adalah satu amaran kepada parti itu iaitu banyak perkara yang dilakukan tidak disenangi rakyat terutama berkenaan kos sara hidup.

Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi PH berkata, perkara berkenaan disimpulkan hasil taklimat bedah siasat PRK Tanjung Piai pada Mesyuarat Majlis Presiden PH yang berlangsung semalam.

“Selain itu, termasuk tuduhan daripada kaum Melayu iaitu parti PH ini dikuasai sepenuhnya oleh DAP manakala kaum Cina berpendapat, DAP

diperkudakan oleh Dr Mahathir daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu).

“Jadi nampak seimbang, kedua-dua pihak tidak puas hati. Kita tidak boleh memuaskan hati semua orang tetapi dalam situasi sekarang, orang tidak berpuas hati kerana kita bersikap adil terhadap kedua-duanya,” katanya pada sidang media Mesyuarat Majlis Presiden PH di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Beliau berkata, justeru, pihaknya mengambil ingatan terhadap teguran dikemukakan menerusi mesyuarat yang berlangsung semalam.